



15 APR, 2023

36,000 ayam segar dijual murah

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

36,000 ayam segar dijual murah

Sempena Jualan Mega Ehsan Aidilfitri anjuran kerajaan negeri Selangor, promosi potongan harga 30 peratus

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Orang ramai berpeluang menikmati penjimatan sebanyak 30 peratus sempena Jualan Mega Ehsan Aidilfitri anjuran kerajaan negeri Selangor bermula pada Sabtu.

Jualan mega anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) ini membabitkan lima produk makanan asas iaitu ayam, telur, daging, beras dan minyak masak.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Ir Izham Hashim berkata, jualan

mega itu diadakan di 23 lokasi dalam tempoh bermula 15 hingga 20 April ini.

Menurutnya, program juga mendapat kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KoHijrah).

"FAMA Selangor akan meng-
anjurkan jualan di 11 lokasi, manakala PKPS dan KoHijrah masing-masing mengendalikan enam lokasi.

"Jualan bermula hujung minggu ini juga menawarkan kuantiti barangan lebih banyak termasuk lebih 36,000 ekor ayam berbanding penganjuran Jelajah Ehsan Rakyat (JER) pada hari biasa," katanya pada Jumaat.

Menurutnya, jualan keseluruhan dianggarkan sebanyak RM1.5 juta dengan subsidi berjumlah RM375,000 daripada kerajaan negeri disalurkan kepada tiga agensi terbabit mengikut jumlah barangan dijual.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi pula berkata, program ini adalah kesinambungan Program JER yang dilaksanakan September tahun lalu.

"Alhamdulillah program JER ini mendapat sambutan amat menggalakkan di mana produk segar habis terjual di hampir semua lokasi jualan.

"Sehubungan itu, kami berusaha untuk mendapatkan stok produk segar yang lebih banyak bagi membantu meringankan beban rakyat B40 di negeri Selangor," katanya.

Butiran produk dijual di setiap lokasi adalah ayam standard dengan berat purata 1.8 kilogram (kg) iaitu RM10 seekor, diskaun RM7 berbanding harga pasaran semasa RM17.

Telur ayam gred B pada harga RM10 sepapan (30 biji) dengan melibatkan penjimatan sebanyak RM3.90 berbanding harga pasaran semasa RM13.90.

Daging pejal segar pada harga RM35 per/kg, penjimatan RM7 per/kg berbanding harga pasaran semasa RM42 per/kg.

AYAM	TELUR	BERAS	MINYAK	DAGING
RM 10.00 seekor	RM 10.00 sepapan	RM 10.00 kg	RM 25.00 kg	RM 35.10 kg

23 LOKASI | **15-16 APRIL 2023** | **SABTU-AHAD** | **9 am - 8 pm**

#SelangorJER #KitaSelangor #DanRakyatUntukRakyat

Beras pula pada harga RM10 bagi lima kg berbanding harga pasaran semasa RM13 dan minyak masak lima kg pada harga RM25 berbanding harga semasa

RM31.

Jadual lengkap serta lokasi program jualan boleh dilayari menerusi pautan <https://linktr.ee/myPKPS>



15 APR, 2023

36,000 ayam segar dijual murah

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Sempena Jualan Mega Ehsan Aidilfitri anjuran kerajaan negeri Selangor, promosi potongan harga 30 peratus

Orang ramai berpeluang menikmati penjimatan sebanyak 30 peratus sempena Jualan Mega Ehsan Aidilfitri anjuran kerajaan negeri Selangor bermula pada Sabtu. Jualan mega anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) ini membabitkan lima produk makanan asas iaitu ayam, telur, daging, beras dan minyak masak.